

BAKTI tetap jadi kenangannya

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia



Datin Suhailah sedang berucap di Mesyuarat Agung BAKTI baru-baru ini.

SUASANA sedih jelas tergambar, walaupun, majlis perpisahan belum diadakan. Jelas terbayang hari perpisahan yang pasti tiba. Mesyuarat agung yang diadakan, diselubungi dengan suasana sayu dan pilu.

Walaupun, kami tidak dibenarkan mengikuti Mesyuarat Agung Tahunan BAKTI, tetapi kami berpeluang mengikuti acara pembukaan dan majlis yang diadakan sebelumnya. Nyata, setiap perwakilan sedih untuk melepaskan pemimpin mereka sejak ditubuhkan, Datin Suhailah.

Negara kehilangan pemimpin agung dengan perletakan jawatan Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn. BAKTI pula kehilangan pemimpin ulungnya serentak dengan perletakan jawatan Datuk Hussein Onn itu.

Semenjak ditubuhkan pada 16 Mei, 1977, Datin Suhailah adalah pemimpin ulung BAKTI. Banyak jasa yang telah dicurahkan kepada rakyat semenjak itu.

Pengunduran diri Datin Suhailah ibarat kata, "Kalau itu kehendak dan keinginan suaminya, tiada siapa dapat menghalang, walaupun jasa dan pimpinannya masih diperlukan. Tugasnya hanyalah menghormati keinginan itu sebagai seorang isteri yang setia".

Mengikut Perlembagaan BAKTI, isteri Perdana Menteri dengan secara automatik dilantik sebagai Yang Dipertua dan isteri Timbalan Perdana Menteri dilantik menjadi Naib Yang Dipertua.

Ahli-ahlinya adalah isteri-isteri para menteri, isteri-isteri para Timbalan Menteri, isteri Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Usha ahli-ahli BAKTI yang tidak mengenal penat lelah dan sanggup menjalankan kerja-kerja amal walaupun mereka isteri-isteri pembesar negara sungguh membanggakan.

Berbagai projek dijalankan bagi mencapai matlamat iaitu meringankan beban dan kesulitan ahli masyarakat yang kurang bemaslah baik.

Ketika di Mesyuarat Agung BAKTI baru-baru ini, Datin Suhailah dalam ucapannya menyatakan bahawa kejayaan BAKTI adalah kejayaan setiap ahli dan bukannya kejayaan segolongan tertentu.

Dengan kejayaan itu, menurutnya, telah mencerminkan bahawa isteri-isteri pemimpin masyarakat sadar tanggungjawab mereka ke arah membantu insan yang perlukan bantuan.

Beliau berbangga kerana setiap ahli BAKTI

Laporan oleh ASIAH MAHMOOD

telah menunjukkan keazaman dan kejujuran untuk berkhidmat tanpa mengira masa dan tenaga.

Beliau menyanjung tinggi kerjasama mereka yang sanggup mengorbankan masa lapang untuk menjalankan kegiatan-kegiatan amal demi kesejahteraan dan masa depan masyarakat.

Lawatan-lawatan sambil belajar untuk ahli-ahli BAKTI ke beberapa tempat dan pertubuhan membolehkan ahli-ahli tersebut memahami dan mengenali kegiatan dan masalah yang dihadapi oleh masyarakat tempat mereka lawati.

BAKTI mengadakan beberapa projek seperti lumba jalan kaki untuk mengutip derma. Wang kutipan ini kemudiannya disumbangkan ke hospital-hospital, pertubuhan-pertubuhan sukarela dan kebajikan supaya badan-badan ini dapat menjalankan tugas-tugas membantu masyarakat dengan lebih baik dan berkesan.

Salah satu projek BAKTI yang paling besar ialah membantu pesakit-pesakit jantung terutama kanak-kanak menjalani pembedahan di luar negeri.

Hasil dari bantuan BAKTI ini beserta dengan derma-derma orang ramai, beberapa orang pesakit jantung dapat diselamatkan.

Bagaimanapun, BAKTI berpendapat masih banyak lagi yang perlu dibuat dalam bidang kebajikan dan kerja-kerja amal, kata Datin Suhailah.

Pada 30 Jun ini, satu lagi tayangan Perdana akan diadakan. Hasil kutipan sumbangan Tayangan Perdana ini akan digunakan bagi membantu kerja-kerja pemulihan orang-orang cacat di beberapa tempat di negara ini.

"Setakat ini, sumbangan derma kepada tayangan tersebut sungguh menggalakkan," kata beliau.

"Saya juga mempunyai kepercayaan penuh bahawa pengganti saya dengan sokongan dan kerjasama yang diterima akan meneruskan usaha-usaha pertubuhan membantu masyarakat," jelasnya.

"Walaupun, tidak lama lagi saya tidak menjadi ahli BAKTI tapi kegiatan-kegiatannya tetap menjadi ingatan saya dan kenangan saya. Saya akan sentiasa mengikuti perkembangan dan kegiatannya dengan penuh minat," katanya dalam kesedihan.

No. Siri

11, 960

No. Penerbitan

3773

87